

12 MAY 1997

PERDANA MENTERI DAN TIMBALANNYA LAWAT PERAK

IPOH, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melawat Perak Khamis ini manakala timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim akan ke sini sehari sebelum itu.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dijadual melawat Clearwater Sanctuary Golf Resort di Batu Gajah selain merasmikan Loji Janakuasa di Lumut.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan di sini hari ini, Perdana Menteri akan turut merasmikan kilang Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd di Seri Iskandar, Tronoh dan melawat Gua Tempurung di Gopeng.

Anwar pula dijadual menghadiri majlis bersama rakyat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) San Min di Teluk Intan pada 3.30 petang.

-- BERNAMA

PBA MAI